

Pelepasan gas karbon dioksida dari kilang, kenderaan punca utama suhu meningkat

# Cuaca di Malaysia makin panas

Oleh AHMAD ISYAFIQ MAD. DESA

**JOHOR BAHRU** – Suhu di Malaysia bakal menyamai suhu di negara-negara Arab apabila ia diramal mencecah suhu 40 darjah Celsius dalam tempoh 10 tahun akan datang.

Pengarah Kampus Lestari Universiti Teknologi Malaysia (UTM-CS), Profesor Madya Dr. Mohd. Fadhli Md. Din (**gambar kecil**) berkata, keadaan itu berlaku disebabkan suhu di kawasan bandar dan luar bandar di negara ini mengalami peningkatan sebanyak 1.2 darjah Celsius setahun.

“Kadar suhu yang sangat tinggi itu bukan sahaja mendatangkan bahaya kepada tubuh manusia yang hanya mampu bertahan dalam suhu maksimum 39.5 darjah Celsius malah mengakibatkan negara berisiko mengalami musim kemarau berpanjangan,” katanya selepas memperkenalkan prototaip penunjuk haba *Surrogate Human Sensor* (SHS) di Kampus UTM di Skudai dekat sini semalam.

Kadar suhu purata di Malaysia adalah antara 32 hingga 33 darjah Celsius.



**KEADAAN** lopak berair tempat kerbau berkubang menjadi kering akibat musim panas di Batu Gajah, Perak semalam.

“Kadar suhu yang sangat tinggi mendatangkan bahaya kepada tubuh manusia yang hanya mampu bertahan dalam suhu maksimum 39.5 darjah Celsius

**MOHD. FADHLI**

## INFO Suhu negara-negara cuaca panas

### LIBYA

- Purata suhu: 35 darjah Celsius
- Suhu maksimum: 57.8 darjah Celsius
- Suhu minimum: 19 darjah Celsius

### ARAB SAUDI

- Purata suhu: 45 darjah Celsius
- Suhu maksimum: 53 darjah Celsius
- Suhu minimum: -1 darjah Celsius

### ETHIOPIA

- Purata suhu: 35 darjah Celsius
- Suhu maksimum: 60 darjah Celsius
- Suhu minimum: 22 darjah Celsius

### ALGERIA

- Purata suhu: 26 darjah Celsius
- Suhu maksimum: 50 darjah Celsius
- Suhu minimum: -20 darjah Celsius

### INDIA

- Purata suhu: 40 darjah Celsius
- Suhu maksimum: 48 darjah Celsius
- Suhu minimum: -18 darjah Celsius


## INFO Suhu bandar-bandar Malaysia

### Suhu paling tinggi (sehingga 5 petang semalam)

Temerloh, Pahang	37.1 Celsius
Chuping, Perlis	36.8 Celsius
Alor Setar, Kedah	35 Celsius
Petaling Jaya	35 Celsius
Kuala Pilah, Negeri Sembilan	35 Celsius
Ipoh, Perak	34 Celsius

Sumber: Jabatan Meteorologi Malaysia

Kosmo  
4/4/2016  
ms 2



Beliau berkata, peningkatan kadar suhu secara berperingkat itu berpunca daripada pelepasan gas karbon dioksida dari kilang dan kenderaan yang semakin banyak di negara ini pada masa depan.



beliau berkata, keadaan iklim dunia pada masa ini termasuk di Malaysia sememangnya sukar dijangka.

Sebagai contoh, kata beliau, fenomena El Nino yang melanda negara ketika ini dijangka berakhir pada bulan Jun dan diikuti kejadian banjir besar yang diramal berlaku antara bulan Julai dan Ogos.

“Namun jangkaan mengenai fenomena banjir besar itu tidak semestinya betul,” kata beliau.

Dr. Mohd. Fadhli berka-

ta, dalam hubungan ini, kerajaan perlu menyediakan pelan tindakan bagi berdepan dengan fenomena negara mungkin mengalami kemarau berpanjangan pada masa depan.

Beliau juga berkata, peningkatan suhu secara berperingkat ini turut membahayakan manusia yang berpotensi diserang strok haba terutama dalam kalangan kanak-kanak dan warga emas.

Menurutnya, secara purata tubuh badan manusia mampu bertahan dalam suhu maksimum 39.5 darjah Celsius dalam tempoh 10 minit sebelum seseorang individu itu

berhadapan dengan serangan strok haba,” katanya.

Mengenai SHS, beliau berkata, merupakan sejenis alat bagi meramal kesan persekitaran haba, menyasat tahap ketidakselesaan tubuh manusia berpunca daripada perubahan suhu sekali gus dapat menghindari ancaman strok haba.

Projek yang dibangunkan pasukan penyelidik UTM-CS sejak tahun 2010 itu mampu mengesan suhu persekitaran yang berbahaya terhadap manusia.

Ia dirancang untuk dijual pada harga RM100 hingga RM200 seunit.



ORANG ramai berpayung untuk mengelak cuaca panas ketika bersiar-siar dekat Menara Berkembar Petronas di Kuala Lumpur semalam.

## Peliharaan alam sekitar elak cuaca jadi panas

**KUALA LUMPUR** – Cuaca panas di Malaysia dapat dikurangkan jika semua pihak berusaha menjaga kelestarian alam sekitar terutama melindungi kewujudan kawasan-kawasan hutan di negara ini.

Presiden Pertubuhan Pelindung Khazanah Alam Malaysia (Peka), Puan Sri

Shariffa Sabrina Syed Akil (**gambar**) berkata, aktiviti pembukaan hutan secara keterlaluan menyebabkan kemusnahan ke atas pokok-pokok yang menjadi ‘kanopi semula jadi’ bumi.



“Suhu panas memang ada kaitan dengan pembukaan hutan yang melampau. Pembukaan hutan secara melampau me-

ngakibatkan iklim menjadi lebih panas kerana ‘kanopi’ muka bumi telah dimusnahkan,” katanya ketika dihubungi *Kosmo!* di sini semalam.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas pendedahan Pengarah Kampus Lestari Universiti Teknologi Malaysia (UTM-CS), Profesor Madya Dr. Mohd. Fadhli Md. Din berhubung situasi cuaca di negara ini.

Mohd. Fadhli dalam pende-

dahannya mendakwa iklim panas di negara ini dijangka meningkat setiap tahun sehingga mencecah ke paras kritikal kepada manusia iaitu melebihi 40 darjah Celsius dalam tempoh 10 tahun akan datang.

Keadaan itu boleh menyumbang kepada kemarau berpanjangan yang berbahaya kepada manusia terutama kanak-kanak dan warga emas yang berisiko diserang strok haba.